# MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM TAHUN 2020
# SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001 KALI KE-10 DAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) KALI KE-9
# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 17 November 2020 |
| Masa | : | 9.00 pagi |
| Tempat | : | Secara atas talian menggunakan aplikasi Zoom |
| Kehadiran | : | **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| **10.1** | **KATA ALUAN PENGERUSI** | |
| | Pengerusi: | |
| | (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fathihah. | |
| | (b) mengalukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) Kali Ke-10 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Kali ke-9. | **Makluman** |
| | (c) memberi makluman bahawa Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak melaksanakan MKSP Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) pada tahun 2020 kerana UPM telah menamatkan pensijilan berkuatkuasa 6 Mac 2020. | **Makluman** |
| | (d) mengumumkan pelantikan ahli mesyuarat baharu dan ucapan terima kasih kepada ahli yang telah tamat tempoh sebagaimana **lampiran 1**. | **Makluman** |
| | (e) mengucap terima kasih dan tahniah kepada semua pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 pada tahun 2019. | **Makluman** |
| | (f) memaklumkan UPM telah dipersijilkan dengan satu pensijilan ISO 9001 mulai tahun 2011 hingga kini manakana pensijilan ISMS mulai 2012 dan UPM komited untuk mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2020. | **Makluman** |
| | (g) memaklumkan berkenaan skop pensijilan UPM iaitu: | |
| | i. <u>Skop pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti</u>: "Perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat tertiary, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat". Skop Sistem Pengurusan Kualiti yang merangkumi semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran prauniversiti, prasiswazah (kecuali pra persediaan Diploma Sains) dan siswazah, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, dan perkhidmatan sokongan. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | ii. Skop pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat:<br><br>1) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran hingga Pendaftaran Kolej Kediaman.<br><br>2) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.<br><br>Kecuali:<br>Pendaftaran kursus, *Meal Plan* dan aktiviti kemasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah untuk:<br><br>i. Pengajian Jarak Jauh;<br>ii. Program untuk Eksekutif; dan<br>iii. Antarabangsa | **Makluman** |
| | (h) memaklumkan Pernyataan Sistem Pengurusan Kualiti dan Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 10 Disember 2019 adalah masih relevan dan sesuai dengan keperluan Standard ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013. Pengerusi memaklumkan bahawa LPU adalah pemegang kuasa pembuat dasar. | **Makluman** |
| | (i) memaklumkan berkaitan pelaksanaan MKSP adalah keperluan dalam Standard MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 klausa 9.3 yang perlu dilaksana sebelum Audit Badan Pensijilan yang mana sekiranya tidak dilaksana akan mendapat laporan ketakakuran (NCR). | **Makluman** |
| | (j) mengimbas semula keahlian, terma rujukan (TOR) dan kekerapan pelaksanaan MKSP sebagaimana **Lampiran 2**. | **Makluman** |
| **10.2** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT** | |
| | Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO 2019 QMS ISO 9001 kali ke-9 dan ISMS kali ke-8 disahkan tanpa pindaan. | **Setiausaha** |
| **10.3** | **TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS**<br><br>Mesyuarat: | |
| | 10.3.1 mengambil maklum 9 daripada 15 tindakan susulan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO QMS 2019 telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas manakala 4 status tindakan, dilaporkan mengikut agenda. Keterangan lanjut sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 3 (a).** | **Makluman dan tindakan** |
| | 10.3.2 mengambil perhatian pada Minit 9.5.4.1(d) iaitu Keberkesanan bagi pelaksanaan tindakan NCR ini akan disemak oleh Juruaudit semasa audit SIRIM tahun 2020 dan meminta Kolej 14 dan mana-mana PTJ yang menggunakan khidmat Pengawal Keselamatan yang diserah urus untuk menyediakan bukti tindakan supaya penemuan yang sama tidak ditemui di PTJ lain. | **TWP Pejabat TNC HEPA & TWP BKU** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | 10.3.3 meminta diteliti isu berkaitan tapisan keselamatan serta lain-lain perkhidmatan serah urus di universiti bagi memastikan pelaksanaan tindakan dan perkhidmatan adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak UPM. | **TWP Pejabat TNC HEPA, TWP BKU & TWP Pejabat Bursar** |
| | 10.3.4 mengambil perhatian pada Minit 9.5.4.2(c) berkenaan status penutupan penemuan audit dalaman QMS tahun 2019 setakat 9 November 2020 di mana masih terdapat 3 NCR yang belum ditutup, dan diminta PTJ terlibat dapat melaksanakan tindakan bagi tujuan penutupan NCR berkenaan sebelum 30 November 2020 atau mengikut tarikh cadangan tindakan yang ditetapkan oleh PTJ. | **TWP Fakulti Sains, TWP iAQUAS & TWP INSPEM** |
| | 10.3.5 mengambil maklum 2 daripada 3 tindakan susulan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO ISMS 2019 telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas. Keterangan lanjut sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 3 (b).** | **Makluman** |
| | 10.3.6 mengambil perhatian pada Minit 8.7.3.2 berkenaan status penutupan penemuan audit dalaman ISMS tahun 2019 setakat 9 November 2020 di mana masih terdapat 1 OFI yang belum ditutup, dan diminta PTJ terlibat dapat melaksanakan tindakan bagi tujuan penutupan OFI berkenaan mengikut tarikh cadangan tindakan yang ditetapkan | **CoSComm** |
| **10.4** | **PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI YANG RELEVAN DENGAN SISTEM ISO** | |
| | **10.4.1 Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan Dengan Sistem Pengurusan Kualiti sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a).** Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum UPM perlu menentukan isu luaran dan dalaman yang relevan untuk mencapai hasil yang dihasratkan dalam Sistem Pengurusan Kualiti serta perlu dipantau dan dikaji maklumat isu ini sebagaimana keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 klausa 4.1, Memahami Organisasi dan Konteksnya | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum keperluan pelaporan perubahan isu dalaman dan luaran yang relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti adalah bagi mematuhi keperluan Standard ISO 9001:2015 klausa 9.3.2, input kajian semula pengurusan. | |
| | (c) mengambil maklum pernyataan Isu Luaran dan Dalaman yang relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti telah mula dikenal pasti pada tahun 2018 sebagaimana keperluan Standard baharu Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015. Seterusnya, untuk tahun 2019 pernyataan isu luaran dan dalaman yang sama juga telah dilaporkan oleh PTJ. | |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (d) mengambil perhatian UPM telah mengenal pasti semula isu luaran dan dalaman tahun 2020 berdasarkan tindakan berikut:<br><br>i. Gugur/Hapus, bagi isu luaran dan dalaman :<br>a. Tahap penilaian risiko adalah 'Rendah' selama 2 tahun berturut-turut, akan digugurkan pada tahun berikutnya;<br>b. Tidak relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab.<br><br>ii. Kekal, bagi isu luaran dan dalaman:<br>a. Tahap penilaian risiko 'Rendah' dengan tindakan sedia ada yang terkawal dan masih dalam tempoh pemantauan 2 tahun;<br>b. Tahap penilaian risiko 'Sederhana' dan 'Tinggi', dengan kawalan sedia ada dan strategi tindakan yang masih relevan dan dalam tempoh tindakan pelaksanaan.<br><br>iii. Tambah/baru, bagi isu luaran dan dalaman baru dikenal pasti yang relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab berdasarkan isu/situasi semasa.<br><br>(e) mengambil perhatian jumlah pernyataan isu keseluruhan 71 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UPM pada tahun 2020 adalah sebanyak 410 isu iaitu sebanyak 303 isu dalaman dan 107 isu luaran. Pecahan isu mengikut kategori PTJ adalah sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a).<br><br>(f) mengambil maklum perbandingan isu luaran dan dalaman antara tahun 2020 dan tahun 2019 iaitu pengurangan isu dalaman sebanyak 48 isu dan pengurangan sebanyak 2 isu bagi isu luaran. Mesyuarat juga dimaklumkan pernyataan isu luaran dan dalaman yang dikenal pasti oleh PTJ, telah dibincang dan disahkan di peringkat PTJ masing-masing.<br><br>(g) mengambil perhatian isu baharu tahun 2020 telah dikenal pasti oleh Pusat tanggungjawab (PTJ) iaitu berkaitan penularan wabak COVID-19. Secara ringkasnya, isu ini telah mengakibatkan perkara berikut:<br><br>i. Penangguhan audit badan pensijilan ISO di UPM;<br>ii. Kelewatan proses kelulusan akreditasi program;<br>iii. Jangkitan penyakit dari pesakit berisiko tinggi ke pesakit lain/staf menyebabkan pelanggan dan anggota terdedah kepada jangkitan silang;<br>iv. Aktiviti utama tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual/ perancangan disebabkan polisi/ norma kerja telah berubah dan pertambahan skop baharu;<br>v. Pemberian perkhidmatan / penggunaan prasarana tertentu dihadkan;<br>vi. Agihan bilik pelajar di kolej kediaman tidak berjalan dengan lancar; | |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | vii. Kekurangan mendapat tempahan bagi sewaan Dewan Besar dan Panggung Percubaan akibat penularan wabak COVID19 menyebabkan PTJ tidak cukup peruntukan untuk membayar gaji staf kontrak serta melaksanakan aktiviti kebudayaan<br>viii. Kemasukan pelajar antarabangsa dan tempatan tidak mencapai sasaran ditetapkan oleh PTJ;<br>ix. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilakukan secara atas talian semasa pandemik Covid-19 menyebabkan pelajar yang mempunyai masalah capaian internet mengalami kesukaran untuk menyertai aktiviti PdP;<br>x. Risiko kenaikan harga barang dan kekangan kewangan bekalan perkhidmatan & PdP;<br>xi. Kelewatan bayaran bantuan kewangan pelajar *outbound*;<br>xii. Sumber kewangan industri yang berkurangan menyebabkan program/projek jaringan industri kurang dilaksanakan;<br>xiii. Permintaan terhadap sewaan tapak khemah/rumah tamu/bot dan benih udang galah/ketam renjung berkurangan;<br>xiv. Limitasi aktiviti;<br>xv. Kurang rakan industri yang menyatakan hasrat untuk melesenkan teknologi universiti kerana faktor kekangan ekonomi<br><br>(h) mengambil maklum PTJ telah mengenal pasti kawalan sedia ada dan strategi tindakan untuk dilaksana bagi mengawal risiko isu ini.<br><br>**10.4.2 Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Yang Relevan Dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)**<br><br>Mesyuarat:<br>(a) mengambil maklum berhubung laporan Perubahan Dalam Isu Luaran dan Dalaman bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) adalah seperti di **Lampiran Kertas Agenda 4.0 (b)** yang telah dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS. | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>**Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil maklum bahawa lapan (8) isu luaran dan empat (4) isu dalaman yang dinyatakan dalam Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat sepertimana berikut: | **Makluman** |

| Isu Luaran | Isu Dalaman |
|---|---|
| 1. Perubahan dasar kerajaan<br>2. Perkembangan teknologi dan inovasi yang pantas<br>3. Ekonomi tidak menentu<br>4. Ancaman ekologi<br>5. Ekspektasi pelanggan terlalu tinggi<br>6. Kriteria Penarafan yang berubah<br>7. Gangguan media sosial<br>8. Masalah komunikasi | 1. Pembudayaan pengurusan keselamatan maklumat setiap warga UPM<br>2. Tahap kepercayaan, integriti dan ketersediaan data<br>3. Kekangan sumber manusia dan kewangan<br>4. Infrastruktur tidak menyokong proses |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil maklum bahawa lapan (8) isu luaran dan empat (4) isu dalaman ISMS adalah tidak berubah dan masih relevan dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM. | **Makluman** |
| **10.5** | **KEPUASAN PELANGGAN & MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN** | |
| | **10.5.1 Kepuasan Pelanggan dan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS** | |
| | Mesyuarat mengambil perhatian laporan maklumbalas kepuasan pelanggan dan maklum balas pihak berkepentingan QMS 2019 yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 5(a)** seperti berikut: | |
| | (a) maklumbalas menerusi Sistem U-RESPON merekodkan sebanyak 259 maklum balas yang merangkumi 89 aduan, 7 cadangan, 10 penghargaan dan 153 pertanyaan telah diterima daripada empat kategori pengguna iaitu orang awam, pelajar, pembekal dan pekerja UPM bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2019. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum sebanyak 132 maklum balas telah selesai diambil tindakan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) yang terlibat, manakala 20 dalam proses tindakan dan 1 tidak boleh ditutup atas faktor teknikal. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil perhatian laporan pelaksanaan kajian kepuasan pelanggan tahun 2019 mengikut skop dan jumlah responden dengan hasil dapatan skor min keseluruhan sepertimana berikut:<br><br>i. Pengajian Prasiswazah melibatkan 1423 responden (Skor Min 3.85);<br>ii. Pengajian Siswazah melibatkan 1646 responden (Skor Min 3.78);<br>iii. Penyelidikan dan Inovasi melibatkan 450 responden (Skor Min 3.66); dan<br>iv. perkhidmatan sokongan melibatkan seramai 6820 responden (Skor Min 4.17). | **Makluman** |
| | (d) mengambil perhatian, terdapat keperluan mengenalpasti tindakan yang bersesuaian bagi komen dan cadangan yang dimajukan melalui surat ke PTJ oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti. | **Semua Ketua PTJ, TWP PP & TWP PTJ yang berkenaan** |
| | (e) mengambil perhatian berkenaan maklumbalas pihak berkepentingan QMS 2019 yang merangkumi tiga (3) skop utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri dan Masyarakat dengan analisis lengkap telah dilaksanakan dan sebagaimana pelaporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-47. | **Makluman** |
| | **10.5.2 Maklum balas Pihak Berkepentingan ISMS**<br><br>Mesyuarat mengambil perhatian laporan maklumbalas pihak berkepentingan ISMS 2019 yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sebagaimana perincian pada **Lampiran Kertas Agenda 5(b)** seperti berikut | |
| | (a) Laporan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah dilaksanakan semasa Minggu Perkasa Putra sesi kemasukan semester 2019/2020 Kampus Serdang dan Bintulu, pada 1 September 2020 dan 22 September 2020. Soal selidik melibatkan 2 bahagian iaitu Demografik dan 7 soalan soal selidik secara atas talian dan pengukuran menggunakan skala likert 1 hingga 5. | **Makluman** |
| | (b) Hasil laporan analisis soal selidik mendapati 93.15% pelajar baharu berpuas hati pada skala likert 4 & 5 bagi soalan 1-5 serta terdapat cadangan penambahbaikan/maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran seperti berikut :<br>i. meningkatkan lagi tahap keselamatan maklumat peribadi dengan menambah bilangan sekuriti di dalam sistem yang dibangunkan.<br>ii. membuat senarai semak pendaftaran secara online untuk memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pelajar.<br>iii. menaiktaraf sistem yang sedia ada untuk lebih efisien pada masa akan datang seperti tambahan masa untuk menjawab, boleh digunakan pada pelbagai web browser, reka bentuk sistem yang | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | bersesuaian apabila menggunakan telefon bimbit, dapat mengingatkan pelajar sekiranya proses pendaftaran masih belum selesai, tingkatkan lebih banyak panduan bagi mengisi maklumat | |
| **10.6** | **MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN QMS & ISMS**<br><br>**10.6.1 Pencapaian Objektif Kualiti**<br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) Objektif Kualiti merupakan keperluan Standard ISO 9001:2015 di bawah klausa 6.2.1. Objektif Kualiti UPM terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, pencapaian Pelan Tindakan peringkat Fungsian dan Aras, dan Piagam Pelanggan (terdiri daripada proses utama Universiti dan proses sokongan dan operasi perkhidmatan sokongan).<br><br>(b) Penyediaan Objektif Kualiti ini menunjukkan kepimpinan dan komitmen pengurusan atasan sebagaimana klausa 5.1.<br><br>**10.6.1.1 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2019 dan Penetapan KPI 2020**<br><br>Mesyuarat dimaklum berhubung laporan pencapaian KPI 2019 dan penetapan KPI 2020 sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 5.2 (a)**, serta mengambil tindakan berikut: | |
| | (a) mengambil maklum pencapaian KPI 2019 telah dibincang dan dibentangkan pada Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Suku Keempat 2019 dan Penetapan KPI 2020 bersama Pengurusan Universiti dan Ketua PTJ pada 10 Februari 2020. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum secara keseluruhan, UPM telah mencapai 91.97% pada tahun 2019 bagi 37 KPI UPM: | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum pemantauan pencapaian KPI 2019 telah dilaksanakan pada setiap suku tahun iaitu 18 April 2019, 18 Julai 2019, 31 Oktober 2019 dan 10 Februari 2020. | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum penetapan KPI 2020 telah dilaksanakan bersama Pengurusan Universiti dan Ketua PTJ pada 10 Februari 2020 serta Mesyuarat Khas JPU pada 27 Februari 2020: | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **10.6.1.2 Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras 2019** | |
| | Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras oleh Wakil Pengurusan UPM serta mengambil tindakan berikut: | |
| | (a) mengambil maklum sebanyak 65 petunjuk prestasi telah diukur pada tahun 2019 dengan pecahan seperti berikut:<br>• Tujuh (7) objektif bagi skop proses utama, melibatkan sembilan (9) petunjuk prestasi);<br>• Tujuh (7) objektif bagi skop proses sokongan, melibatkan sembilan (9) petunjuk prestasi; dan<br>• 34 objektif bagi skop proses operasi perkhidmatan sokongan, melibatkan 47 petunjuk prestasi. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum ringkasan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2019 adalah seperti berikut:<br>• 56 petunjuk prestasi mencapai sasaran bersamaan 86.2 %; dan<br>• Sembilan (9) petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran bersamaan 13.8%. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum perincian pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2019 mengikut skop dan peneraju proses adalah sebagaimana di **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (b).** | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum sembilan (9) petunjuk prestasi tahun 2019 yang tidak mencapai sasaran telah dilaksana tindakan pembetulan oleh peneraju proses yang terlibat. | **Makluman** |
| | **10.6.1.3 Pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2019** | |
| | Mesyuarat dimaklumkan berhubung Pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2019 sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (c)**, serta mengambil tindakan berikut: | |
| | (a) mengambil perhatian sebanyak 25 jumlah keseluruhan Piagam Pelanggan Proses Utama meliputi 8 Pra Siswazah, 11 Siswazah dan 6 Penyelidikan dan Inovasi, dengan 22 Piagam Pelanggan yang dicapai manakala 3 Piagam Pelanggan adalah tidak tercapai dan telah diambil tindakan oleh peneraju. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil perhatian 116 jumlah keseluruhan Piagam Pelanggan Proses Sokongan dengan 93 Piagam Pelanggan yang dicapai manakala 23 Piagam Pelanggan adalah tidak tercapai dan telah diambil tindakan oleh peneraju. | **Makluman** |
| | **10.6.1.4 Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2019** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum berhubung Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat tahun 2019 yang dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS adalah sepertimana di **Lampiran Kertas Agenda 6.1 (d).** | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum terdapat empat (4) Objektif ISMS yang telah diukur pada tahun 2019 dengan tiga (3) objektif mencapai sasaran manakala satu (1) objektif lagi tidak mencapai sasaran. Perincian pencapaian adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| Bil | Penyataan Objektif | Sasaran | Pencapaian | Peneraju |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Memastikan bakal pelajar prasiswazah yang sah sahaja mendaftar | 100% | **Capai sasaran - 100%** | Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) |
| 2. | Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian | 98% (UPM Serdang)<br><br>90% (UPM Bintulu) | **Capai sasaran - 100%** (UPM Serdang)<br><br>**Capai Sasaran - 98%** (UPM Bintulu) | Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) |
| 3. | Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan | $\leq$ 3 jam | **Capai sasaran - 100%** (Sistem berfungsi dengan baik dan tiada gangguan sepanjang sesi pendaftaran) | Pasukan Pusat Data |
| 4. | Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik | 80% | **Tidak Capai Sasaran - 58.5%** | Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil maklum objektif yang tidak mencapai sasaran telah diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan oleh peneraju ISMS yang terlibat. | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum objektif keselamatan maklumat dipantau dan diukur keberkesanannya dua (2) kali setahun bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan tindakan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM. | **Makluman** |
| | **10.6.2 Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan QMS dan ISMS** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 6.2**. Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Ketakakuran dan tindakan pembetulan dilaksana berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 klausa 10.2 dan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 klausa 10.1, dan perlu dilaporkan dalam MKSP bagi mematuhi Klausa 9.3; | |
| | (b) mengambil perhatian sumber ketakakuran yang direkodkan adalah sebagaimana berikut: | |
| | i. QMS: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM yang tidak mencapai sasaran, Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras yang tidak mencapai sasaran, Piagam Pelanggan yang tidak mencapai sasaran, Aduan Pelanggan, Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM dan Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman. | |
| | ii. ISMS: Objektif ISMS yang tidak mencapai sasaran, Aduan Pelanggan/pihak berkepentingan berkaitan ISMS, Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM, dan Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman. | |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (c) bilangan ketakakuran/tidak mencapai sasaran QMS yang telah dikenal pasti berjumlah 338 seperti berikut: | |
| | | **Makluman** |

| Sumber ketakakuran QMS | Bil. Ketakakuran |
|---|---|
| i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM Q4/2019 | 18 |
| ii. Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Q4/2019 | 9 |
| iii. Piagam Pelanggan Q4/2019 | 26 |
| iv. Aduan Pelanggan Q4/2019 | 89 |
| v. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM Tahun 2019 | 2 |
| vi. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman Tahun 2020 | 194 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **338** |

(e) bilangan ketakakuran/tidak mencapai sasaran ISMS yang telah dikenal pasti berjumlah 15 seperti berikut:

| Sumber ketakakuran ISMS | Bil. Ketakakuran |
|---|---|
| i. Objektif ISMS Q4/2019 | 1 |
| ii. Aduan Pelanggan/ Pihak Berkepentingan dengan ISMS | 0 |
| iii. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM ISMS tahun 2019 | 1 |
| iv. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman ISMS tahun 2020 | 13 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **15** |

| | | |
|---|---|---|
| | (f) mengambil perhatian tindakan pembetulan bagi setiap ketakakuran yang dilaporkan ini telah diambil tindakan/dibentangkan melalui saluran komunikasi yang berkaitan. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | **10.6.3 Penemuan Audit** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Penemuan Audit yang telah dibentang sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 6.3.** | |
| | **10.6.3.1 Audit SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2019** | |
| | (a) <u>Audit SIRIM QMS</u> | |
| | Mesyuarat: | |
| | i. mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 1, Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 pada tahun 2019 telah dilaksanakan pada 17 – 27 September 2019 (9 hari) di Kampus Serdang dan Bintulu. | **Makluman** |
| | ii. mengambil maklum seramai 6 orang Juruaudit telah melaksanakan audit selama 9 hari di lokasi PTJ diaudit. | **Makluman** |
| | iii. mengambil perhatian UPM telah menerima dua (2) laporan Ketakakuran (NCR) dan 22 Peluang Penambahbaikan (OFI). Mesyuarat dimaklumkan NCR telah disah penutupan oleh pihak SIRIM dan mendapat syor bagi pengekalan pensijilan MS ISO 9001:2015. | **Makluman** |
| | iv. mengambil perhatian bukti tindakan OFI audit SIRIM 2019 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2020 yang akan mula dilaksanakan pada 30 November hingga 10 Disember 2020. | **Semua PTJ yang berkaitan** |
| | (b) <u>Audit SIRIM ISMS</u> | |
| | Mesyuarat: | |
| | i. mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 1, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2019 telah dilaksanakan pada 1 September dan 7 hingga 9 Oktober 2019 (4 hari) di Kampus Serdang dan Bintulu. | **Makluman** |
| | ii. mengambil maklum seramai 3 orang Juruaudit telah melaksanakan audit selama 4 hari di lokasi PTJ diaudit. | **Makluman** |
| | iii. mengambil perhatian UPM telah menerima satu (1) laporan Ketakakuran (NCR) dan empat (4) Peluang Penambahbaikan (OFI). Mesyuarat dimaklumkan NCR telah disah penutupan oleh pihak SIRIM dan mendapat syor bagi pengekalan pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | iv. mengambil perhatian bukti tindakan OFI audit SIRIM 2019 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2020 yang akan mula dilaksanakan pada 30 November, 7 hingga 10 Disember 2020. | **Semua PTJ yang berkaitan** |
| | **10.6.3.2 Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2020** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Audit dalaman perlu dilaksanakan bagi mematuhi keperluan standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013, klausa 9.2 Audit Dalaman. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian tahun 2020, UPM melaksanakan *decentralize* audit QMS dan ISMS bermula 2 Mac 2020 hingga 28 Ogos 2020 melibatkan 100% PTJ di bawah skop pensijilan QMS dan ISMS. Mesyuarat dimaklumkan tempoh pelaksanaan audit dalaman PTJ dilanjutkan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1-4 bermula 18 Mac hingga 12 Mei 2020. Juga, berdasarkan persetujuan pihak SIRIM meminda tarikh audit badan pensijilan dari bulan September ke tarikh baharu 30 November hingga 10 Disember 2020. | **Makluman** |
| | (c) mengambil perhatian jumlah penemuan audit dalaman QMS tahun 2020 adalah sebanyak 194 NCR dan 241 OFI. Manakala jumlah penemuan audit dalaman ISMS tahun 2020 adalah sebanyak 13 NCR dan 29 OFI. Mesyuarat dimaklumkan laporan penemuan audit dalaman telah dibentangkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman QMS dan ISMS PTJ (KJAD PTJ) semasa Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman di PTJ masing-masing. Perincian keseluruhan penemuan audit dalaman boleh dirujuk dalam Portal Jaminan Kualiti http://portalcqa.upm.edu.my/. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (d) mengambil perhatian bilangan penemuan audit QMS tertinggi mengikut PTJ, Klausa dan Proses sebagaimana berikut: | **Makluman** |

| Penemuan QMS | Bilangan NCR | Bilangan OFI |
|---|---|---|
| PTJ | 1. FS (12)<br>2. iDEC (11)<br>3. CALC (11)<br>4. FK (11) | 1. PPPA (12)<br>2. PASP (10)<br>3. PSAS (9)<br>4. CALC (9) |
| Klausa | 1. 8.5.1 Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan (55)<br>2. 7.5.3 Kawalan maklumat didokumentasikan (48) | 1. 7.5.2 Mewujudkan dan mengemas kini (58)<br>2. 7.5.3 Kawalan maklumat didokumentasikan (31) |
| Proses | 1. Prasiswazah (27)<br>2. Penyelenggaraan Peralatan, Kemudahan Infrastruktur dan Kenderaan (21) | 1. Pengurusan (34)<br>2. Pengurusan Latihan (21) |

(e) mengambil perhatian bilangan penemuan audit ISMS tertinggi mengikut PTJ dan Klausa sebagaimana berikut: **Makluman**

| Penemuan ISMS | Bilangan NCR | Bilangan OFI |
|---|---|---|
| PTJ | 1. IDEC (3)<br>2. CADE (2) | 1. IDEC (3)<br>2. CADE (2) |
| Klausa | 1. 8.1 Perancangan & kawalan operasi (8)<br>2. 7.5.3 Kawalan maklumat didokumentasikan (2) | 1. 8.1 Perancangan & kawalan operasi (10)<br>2. 7.5.3 Kawalan maklumat didokumentasikan (5) |

(f) mengambil perhatian maklum balas pelan tindakan serta bukti pelaksanaan tindakan bagi penemuan audit dalaman perlu direkodkan melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PTJ dengan persetujuan bersama Juruaudit Dalaman. **TWP PP/PTJ berkenaan**

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (g) mengambil perhatian PTJ perlu membuat perbincangan secara menyeluruh melibatkan auditee yang berkaitan bagi mengenal pasti punca ketakakuran yang tepat dan dapat melaksanakan tindakan pembetulan yang berkesan supaya penemuan yang sama tidak berulang pada audit akan datang. Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 9% penemuan berkaitan tindakan pembetulan tidak berkesan menyebabkan penemuan berulang semasa audit dalaman tahun 2020. Ini kerana:<br><br>i. pengenalpastian punca yang tidak tepat semasa melaksanakan tindakan pembetulan pada tahun 2019;<br>ii. pelaksanaan tindakan pembetulan tidak menyeluruh di dalam PTJ | **TWP PP/PTJ berkenaan** |
| | **10.6.4 Prestasi Penyedia Luar** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Prestasi Penyedia Luar UPM yang telah dibentang sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 6.4** Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum penilaian telah dilaksanakan secara atas talian menggunakan Sistem Penilaian Prestasi Pembekal dan Agensi Pelancongan http://spps.upm.edu.my/SPPS/ ke atas semua pembekal UPM oleh pentadbir kontrak di PTJ berdasarkan prestasi kerja pembekal; | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum analisa penilaian prestasi pembekal sebanyak 2 kali setahun iaitu bagi tempoh Januari hingga Jun dan Julai hingga Disember bagi tujuan pemantauan kualiti bekalan/perkhidmatan/kerja yang dilaksana oleh pembekal adalah mengikut keperluan spesifikasi yang diperlukan; | **Makluman** |
| | (c) mengambil perhatian sebanyak 32,978 transaksi pembekal bagi tahun 2019 telah dibuat penilaian dan ringkasan penilaian markah yang telah dibuat adalah sebagaimana berikut: | **Makluman** |

| Skala | Markah (Skor % Penilaian) | Bil. | % |
|---|---|---|---|
| Sangat Memuaskan | 81-100 | 23,484 | 71.21% |
| Memuaskan | 61-80 | 9,411 | 28.54% |
| Kurang Memuaskan | 41-60 | 77 | 0.23% |
| Tidak Memuaskan | 21-40 | 5 | 0.02 |
| Sangat Tidak Memuaskan | 0-20 | 1 | 0.00 |
| **JUMLAH TRANSAKSI** | | **32,978** | **100.00%** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | (d) mengambil maklum bagi tahun 2019, sebanyak 83 transaksi telah memperolehi skor penilaian kurang daripada 60%. Justifikasi pembekal diberi penilaian markah kurang memuaskan adalah:<br><br>i. kelewatan semasa penghantaran bekalan di pusat tanggungjawab dan sukar dihubungi;<br>ii. bekalan yang dihantar kurang kualiti,<br>iii. pembekal tidak mematuhi syarat-syarat seperti di dalam dokumen kontrak perjanjian;<br>iv. syarikat tidak mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan dan<br>v. syarikat membekalkan pekerja yang tidak mencukupi. | **Makluman** |
| | (e) mengambil perhatian Pejabat Bursar telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan para pembekal yang memperolehi skor penilaian kurang daripada 60% berkenaan penilaian dan implikasi serta keperluan menambah baik prestasi pembekal seperti berikut.<br><br>i. 8 Ogos 2019 (untuk tempoh Januari-Jun 2019); dan<br>ii. 24 Februari 2020 (untuk tempoh Julai-Disember 2019). | |
| | (f) dimaklumkan untuk tujuan makluman kepada semua PTJ serta menambahbaik proses penilaian prestasi pembekal tahun 2020, Pejabat Bursar telah memuatnaik senarai pembekal yang mendapat prestasi kurang memuaskan bagi tempoh Januari-Jun 2020 di laman sesawang Pejabat Bursar menerusi url berikut:<br><br>https://bursar.upm.edu.my/muat_turun_dokumen/peroleha n/penilaian_prestasi_pembekal-58915 | **Makluman** |
| **10.7** | **KECUKUPAN SUMBER**<br><br>**10.7.1 Sokongan Sumber Manusia**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Sokongan Sumber Manusia yang telah dibentang sebagaimana pada **Lampiran Kertas Agenda 7.1**. Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil perhatian status sumber manusia UPM dari 1 Januari 2020 sehingga 1 November 2020 dengan kepentingan sokongan sumber manusia bagi menjayakan fungsi Universiti, sepertimana keperluan standard, Klausa 9.2.3 (d) seperti berikut. | **Makluman** |
| | i. strategi pemantapan sumber manusia 2019 adalah merangkumi Perjawatan, Program Latihan dan Pembangunan Bakat serta Penambahbaikan Sistem dan Proses; | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA / CATATAN | TINDAKAN/ MAKLUMAN |
|---|---|---|
| | ii. strategi pemantapan berterusan sumber manusia 2020 menerusi Perjawatan dengan pengisian jawatan yang dirancang secara teliti dan memberi tumpuan kepada jawatan kritikal dengan tindakan seperti berikut:<br><br>1. meminta Pusat Tanggungjawab mengemukakan permohonan jawatan kritikal dan menilai permohonan berdasarkan keperluan fungsi dan organisasi serta deskripsi tugas, mengeluarkan borang soal selidik keperluan perjawatan serta membangunkan deskripsi tugas;<br>2. mengenalpasti jawatan yang kurang relevan dan kurang diperlukan dengan cara menyemak semula keperluan dan jumlah jawatan sedia ada bagi beberapa jawatan seperti Pemandu, Pembantu Awam dan Pembantu Operasi serta pertukaran dan penyusunan secara dalaman menggunakan jawatan sedia ada; dan<br>3. pengisian dan penyusunan staf akan berpandu kepada hasil audit perjawatan (melihat beban kerja staf). Proses Audit TMS (Time Motion Study) akan diteruskan kepada Skim S (Pustakawan) menggunakan Sistem TMS yang telah siap dibangunkan. | **Pejabat Pendaftar** |
